MAHKAMAH AGUNG MALAYSIA
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD
JALAN RAJA
50506 KUALA LUMPUR

TEL: 2939011

Bil.(39)dlm.JK/MA 38 Jld.V

Tarikh: 1hb. Oktober, 1992.

Yang Arif Hakim-Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman,
Mahkamah Tinggi Malaya.

Semua Hakim Mahkamah Sesyen,
Semenanjung Malaysia.

Semua Timbalan Pendaftar,
Semenanjung Malaysia.

Semua Majistret,
Semenanjung Malaysia.

Semua Penolong Kanan Pendaftar,
Semenanjung Malaysia.

PERPUSTAKAAN MAHKAMAH
7/10/92
KUALA LUMPUR

ARAHAN AMALAN NO.2/1992
ARAHAN AMALAN MENGENAI PENANGGUHAN OLEH PEGUAM

Kaedah 24 Kaedah-Kaedah Profesion Undang-Undang (Amalan dan Kesopanan) 1978 dengan jelas memperuntukkan bahawa Peguambela & Peguamcara hendaklah sedia untuk perbicaraan pada hari yang ditetapkan. Namun demikian sejak kebelakangan ini didapati pihak peguam sering memohon penangguhan kes-kes yang telah ditetapkan untuk perbicaraan tanpa alasan-alasan yang munasabah.

2. Apa yang dimaksudkan dengan 'sering' ialah apabila seseorang Peguam itu didapati memohon penangguhan kes-kes yang dikendalikannya tanpa alasan-alasan yang munasabah lebih daripada 2 (dua) kali sama ada dalam kes yang sama atau yang berlainan.

3. Sehubungan dengan itu adalah difikirkan wajar bagi maksud mengurangkan masalah kes-kes tertangguh, semua Hakim Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Malaya, Hakim Mahkamah Sesyen, Timbalan Pendaftar, Majistret dan Penolong Kanan Pendaftar diminta merekodkan nama peguam atau firma peguam yang terlalu ketara kerap memohon penangguhan kes-kes yang dikendalikannya dan melaporkannya kepada Majlis Peguam untuk tindakan.

4. Saya suka mengingatkan bahawa budibicara dalam menimbangkan permohonan sesuatu penangguhan itu hendaklah digunakan dengan bijaksana agar tidak menjejaskan kepentingan pihak-pihak yang terlibat dalam perbicaraan. Sebagai panduan, Pekeliling Hakim Besar Malaya No.1 Tahun 1988 dan Arahan Amalan No.5 Tahun 1989 berkenaan penangguhan kes-kes perbicaraan hendaklah dibaca bersama.

5. Ketegasan Mahkamah dalam soal penangguhan kes ini amat diperlukan demi untuk mengurangkan masalah kes-kes tertangguh yang selama ini telah sedikit sebanyak menjejaskan imej Badan Kehakiman.

6. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai daripada tarikh Pekeliling ini.

... 7. Borang-borang Laporan sebagaimana di Lampiran 'A' akan diedarkan ke semua Pejabat Pendaftaran Mahkamah-Mahkamah di Semenanjung Malaysia dan setiap Laporan hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Majlis Peguam Malaysia, No.5, Jalan Tun Perak, Kuala Lumpur dan salinan kepada Ketua Pendaftar Mahkamah Agung.

(DATO' ANUAR BIN DATO' ZAINAL ABIDIN)
Pemangku Hakim Besar Malaya.

s.k.

1. Y.A.A. Ketua Hakim Negara.

2. Y.A.A. Hakim Besar Borneo - untuk makluman.

3. Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Agung.

4. Ketua Pendaftar Mahkamah Agung.

5. Pendaftar, Mahkamah Tinggi Malaya.

6. Pendaftar, Mahkamah Tinggi Borneo.

7. Pegawai Undang-Undang 1,
Bahagian Penyelidikan dan
Sekretariat Bahasa Malaysia,
Mahkamah Agung.

8. Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Borneo.

9. Pengerusi Majlis Peguam Malaysia,
No.5, Jalan Tun Perak, Kuala Lumpur.

10. Managing Editor, Malayan Law Journal,
3 Shenton Way # 14-08,
Singapore 0106.

11. Editor, Malaysian Current Law Journal Sdn. Bhd.
P.O. Box 12144,
50768 Kuala Lumpur.

12. Chief Editor, Malaysian Law News,
6th. Floor, Bangunan MOCCIS,
17 Jalan Melaka,
50100 Kuala Lumpur.

LAMPIRAN 'A'

LAPORAN KEPADA MAJLIS PEGUAM BERKAITAN ARAHAN AMALAN NO. 2/1992 MENGENAI PENANGGUHAN KES OLEH PEGUAM

NAMA DAN JAWATAN PELAPOR :

MAHKAMAH (BAHAGIAN) :

NAMA FIRMA PEGUAM :

NAMA PEGUAM :

NO. KES :

TARIKH-TARIKH PENANGGUHAN:

(1) TARIKH PENANGGUHAN PERTAMA :

(2) TARIKH PENANGGUHAN KEDUA :

(3) TARIKH PENANGGUHAN KETIGA :

ALASAN-ALASAN PENANGGUHAN:

(1) ALASAN PENANGGUHAN PERTAMA :

(2) ALASAN PENANGGUHAN KEDUA :

(3) ALASAN PENANGGUHAN KETIGA :